

16 JUN 2002

Muhyiddin-Umno

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO AKAN CATAT PERISTIWA PENTING

Oleh: Ahmad Kamil Tahir

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Perhimpunan agung Umno bermula Khamis ini akan mencatatkan satu peristiwa penting dalam usaha meningkatkan penyertaan generasi muda.

Ia akan membincangkan usul meminda perlembagaan parti bagi menstrukturkan sayap baru parti -- Puteri Umno.

Tidak syak lagi kehadiran Puteri Umno membuka ruang seluas-luasnya kepada generasi muda untuk bergiat cergas dalam parti di samping menjadi pelapis kepada perjuangan parti.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin yang akan membentangkan usul itu berkata pindaan itu bertujuan memastikan Puteri Umno mempunyai kedudukan sewajarnya dalam struktur parti.

"Usul ini diharap akan diberi sokongan penuh kerana yang penting selepas ini ialah untuk menggerakkan entiti ini sebagai entiti baru Menarik perhatian wanita muda untuk masuk ke dalam Umno menerusi pintu yang baru ini," katanya dalam satu temubual dengan Bernama.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata sokongan generasi muda kepada Umno semakin meningkat.

"Ini disebabkan mereka menerima kenyataan bahawa Umno mempunyai keupayaan untuk melihat secara dekat permasalahan yang mereka hadapi, akan pentingnya peranan generasi muda dalam perjuangan orang Melayu dan masyarakat," katanya.

Ini juga banyak bergantung kepada keupayaan pimpinan generasi muda dalam pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno untuk membawa isu-isu kepentingan generasi muda, katanya.

Menurutnya, pindaan itu juga bertujuan menentukan kedudukan Puteri di pelbagai peringkat parti dari peringkat cawangan hinggalah ke perhimpunan agung dan majlis tertinggi serta status pemimpin Puteri seperti Ketua Puteri yang dicadangkan tarafnya sebagai naib presiden, di peringkat bahagian sebagai naib ketua bahagian dan sebagainya.

Ditanya sama ada mereka yang menjadi anggota Puteri perlu mendaftar juga sebagai anggota Umno, Muhyiddin berkata isu itu tidak berbangkit.

"Siapa juga anggota Puteri, Wanita dan Pemuda, mereka pertamanya kena jadi anggota Umno dulu...dan cara mereka buat permohonan jadi anggota Umno (dahulu) dan lepas itu buat pilihan kalau nak menyertai Pemuda atau jika wanita ada dua pilihan nak sertai Wanita atau Puteri.

"Tidak akan timbul soal pertindihan, terima atau tidak terima. Ini ditegaskan dalam perlembagaan menerusi peraturan yang akan diperkenalkan," katanya.

Mengenai perhimpunan agung itu, Muhyiddin berkata ia merupakan aktiviti parti yang terpenting setiap tahun untuk membincangkan hala tuju Umno dan selain mendengar amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti, pandangan anggota terhadap isu-isu yang dihadapi juga diberi perhatian.

Ditanya apakah harapan beliau terhadap perhimpunan agung Umno kali ini terutama dalam menjana kekuatan parti menghadapi pilihan raya akan datang, Muhyiddin berkata: "Kesempatan ini harus diambil oleh perwakilan untuk menyuarakan hasrat dan pandangan anggota parti terutama di peringkat akar umbi, bahagian dan negeri.

"Konvensyen di peringkat negeri telah diadakan dan banyak isu diketengahkan dan diberi perhatian oleh anggota parti yang menyentuh soal hak orang Melayu, kepentingan umat Melayu dan kepentingan negara

keseluruhannya," katanya.

-- BERNAMA

AKT AZZ RON